CHEOW CHEW KHOON

lwn.

FOO LOKE YING

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, IPOH
VT SINGHAM H
[GUAMAN SIVIL NO: 22-162-1998]
16 OGOS 2005

PROSEDUR SIVIL: *Penghakiman ingkar - Pengenepian - Tuntutan gantirugi dan kehilangan - Sama ada satu tuntutan jumlah tertentu - Sama ada writ saman diserah dengan sempurna - Perjanjian bersama - Relif penghakiman ingkar tidak dibenarkan oleh perjanjian bersama - Kesan - Sama ada penghakiman ingkar tidak teratur*

Plaintif dan defendan telah memeterai satu perjanjian jual beli saham ('perjanjian'). Menurut terma 4 perjanjian, jika berlaku kemungkiran, relif yang boleh dituntut oleh pihak-pihak adalah pelaksanaan spesifik sahaja. Plaintif mendakwa bahawa defendan telah melakukan kemungkiran, dan berikutnya telah memfailkan satu writ saman terhadap defendan. Writ saman tersebut, bagaimanapun, menuntut gantirugi dan kehilangan. Apapun, plaintif kemudian memperoleh penghakiman ingkar muktamad (kehadiran) berjumlah RM1,504,349.52 terhadap defendan.

Defendan memohon untuk mengenepikan penghakiman ingkar dan permohonan tersebut dibenarkan oleh Penolong Kanan Pendaftar ('PKP'). Tidak berpuas hati, plaintif merayu. Di hadapan yang arif hakim, antara persoalan penting yang berbangkit adalah sama ada: (i) writ saman telah disampaikan kepada defendan dengan sempurnanya; (ii) relif yang dituntut plaintif melanggar terma 4 perjanjian dan jika begitu apakah kesannya terhadap tuntutan plaintif; (iii) tuntutan plaintif merupakan tuntutan untuk jumlah tertentu atau sebaliknya; dan (iv) defendan mempunyai pembelaan yang kukuh terhadap tuntutan plaintif.

Diputuskan (menolak rayuan)

[1] Kad AR yang dieksibitkan di afidavit penyampaian CCK-8 plaintif tidak mencatitkan alamat sebenar kad tersebut disampaikan selain mencatit nama 'Ipoh'. Sekiranyapun kad tersebut disampaikan ke alamat No. 76, Jalan Yang Kalsom, Ipoh seperti yang didakwa, itu bukanlah alamat lengkap dan terakhir defendan yang diketahui plaintif. Fakta menunjukkan bahawa alamat defendan setakat 24 Jun 1998 adalah No. 76 (Tingkat Dua), Jalan Yang Kalsom, Ipoh. 'Tingkat Dua' adalah berbeza dengan hanya alamat No. 76 tanpa catitan 'Tingkat Dua'. Selain itu, menurut

afidavit penyampaian yang diikrar bagi plaintif dan dieksibitkan sebagai CCK-10, alamat defendan yang dicatit pada Notis Kebankrapan bertarikh 26 November 1998 adalah 5-1, Prima Ipoh, Jalan Raja DiHilir, Ipoh. Manakala mengikut eksibit FLY-14 defendan pula, alamat defendan sejak Disember 1995 adalah 5-1, Ascot Block, Prima Ipoh. (ms. 55 d-g)

[1a] Dari fakta dan afidavit-afidavit yang diikrar, jelas bahawa terdapat keraguan sama ada writ saman telah disampaikan kepada defendan ataupun tidak. Defendan dengan itu berhak untuk mengenepikan penghakiman ingkar yang diberi pada 24 Jun 1998 atas alasan writ saman tidak disampaikan kepadanya. (ms. 55 i)

[2] Tuntutan plaintif untuk ganturugi dan kehilangan adalah bertentangan dengan tuntutan yang dibenarkan dan dipersetujui di bawah perjanjian yang ia terikat kepadanya. Oleh yang demikian, penghakiman ingkar yang diperolehi atas tuntutan tersebut boleh dianggap sebagai tidak teratur dan boleh diketepikan. Ia juga merupakan satu isu yang boleh dibicarakan. (ms. 58 d)

[3] Walaupun plaintif menuntut sejumlah RM1,504,349.52, ia tidak dengan sendirinya menjadikan tuntutan plaintif sebagai tuntutan untuk jumlah tertentu. Plaintif harus mengemukakan keterangan bagaimana ia mendapat amaun tersebut - bila saham itu dijual dan kepada siapa ia dijual, apakah harga pasaran ketika dijual dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan kerugian. Semua ini boleh dikemukakan melalui keterangan lisan dan tertakluk kepada pemeriksaan balas. (ms. 59 f & 60 c)

[4] Dalam keadaan di mana tuntutan plaintif tidak boleh diterima sebagai tuntutan untuk jumlah tertentu, plaintif hanya berhak kepada satu penghakiman interlokutori sahaja. Ia tidak berhak mendapat penghakiman ingkar muktamad. Justeru, penghakiman ingkar muktamad yang diperoleh plaintif terhadap defendan untuk amaun RM1,504,349.52 adalah tidak teratur dan harus diketepikan. (ms. 60 e-f)

[5] Defendan juga mempunyai pembelaan yang sebenar dan telah membangkitkan fakta-fakta dan isu mengenai kredibiliti yang mana ianya harus dibicarakan dalam perbicaraan penuh. Selain itu, defendan telah memberi penjelasan yang munasabah atas kelewatan memfail permohonan saman dalam kamarnya, iaitu bahawa beliau telah mengalami pendarahan otak pada 7 Oktober 1997 sekaligus menjejaskan kehidupannya dari segi mental dan fizikal. (ms. 61 f & 62 f)

[6] Jikapun terdapat pengakuan oleh defendan seperti yang didakwa plaintif (di mana ianya dipertikaikan), ia tidak menghalang defendan untuk membantah penghakiman ingkar jika perintah yang dibantah adalah tidak teratur dan tidak sah. (ms. 63 f-g)

[Rayuan ditolak. Bagaimanapun, defendan hendaklah membayar kos permohonan serta rayuan di sini].

Kes-kes yang dirujuk:

Adzmi Ali & Yang Lain lwn. Mohamed Isa Kasad [1987] 2 MLJ 199 ***(dirujuk)***

Alloy Automotive Sdn Bhd lwn. Perusahaan Ironfield Sdn Bhd [1986] 1 MLJ 382 ***(dirujuk)***

Amanah Merchant Bank Bhd lwn. Lim Tow Choon [1994] 2 CLJ 1 SC ***(dirujuk)***

Asia Commercial Finance (M) Bhd lwn. Kimden Housing Development Sdn Bhd [1993] 1 MLJ 283 ***(dirujuk)***

Atwood lwn. Chichester [1878] 3 QBD 722 ***(dirujuk)***

B Dialdas & Co Pte Ltd lwn. Sin Sin & Co & Ors [1984] 2 MLJ 223 ***(dirujuk)***

Bangue de Paris et Des Pays-Bas [Suisse] SA lwn. Costa de Naray & Anor [1984] 1 Lloyds Rpt 21 ***(dirujuk)***

Bank Bumiputera Malaysia Bhd lwn. Majlis Amanah Rakyat [1979] 1 MLJ 23 ***(dirujuk)***

Beale lwn. Mc Gregor [1886] 2 TLR 311 ***(dirujuk)***

Blaiberg lwn. Abrams 77 LTJ 255 ***(dirujuk)***

Boustead Trading (1985) Sdn Bhd lwn. Arab Malayan Merchant Bhd [1995] 4 CLJ 283 FC ***(dirujuk)***

British Westinghouse Electric and Manufacturing Company Ltd lwn. Underground Electric Railways of London Ltd [1912] AC 673 ***(dirujuk)***

Burns lwn. Kondel [1971] Lloyd's Rep 554 ***(dirujuk)***

C Paul de Cruz lwn. Chow Tai Yow & Sons Sdn Bhd [1998] 4 CLJ Supp 389 HC ***(dirujuk)***

Chan Sio lwn. Dan Sin Wah [1955] MLJ 137 ***(dirujuk)***

Chinese Tin Mine Rehabilitation lwn. Chen Hooi Wa [1959] MLJ 152 ***(dirujuk)***

Credit Corporation (M) Bhd v. Bulan Sabit Sdn Bhd & Ors [1989] 2 MLJ 127 ***(dirujuk)***

Creig lwn. Kanseen [1943] 1 KB 256 ***(dirujuk)***

Cuckmere Brick Co Ltd & Anor v. Mutual Finance Ltd [1971] Ch 949 ***(dirujuk)***

Development & Commercial Bank lwn. Chee Theam Swee [1989] 2 MLJ 496 ***(dirujuk)***

Duke lwn. Robson [1973] 1 All ER 481 ***(dirujuk)***

Ee Kim Kin lwn. Collector of Land Revenue Alor Gajah [1967] 2 MLJ 89 ***(dirujuk)***

Eng Mee Yong & Ors v. V Letchumanan [1979] 2 MLJ 212 PC ***(dirujuk)***

Evans lwn. Burtlam [1937] 2 All ER 646 ***(dirujuk)***

Evans lwn. Bartlam [1937] AC 473 ***(dirujuk)***

Feedmeal Malaysia Sdn Bhd lwn. Teh Cho Yeow & Ors [2003] 7 CLJ Supp 11 HC ***(dirujuk)***

Fira Development Sdn Bhd lwn. Goldwin [1989] 1 MLJ 140 ***(dirujuk)***

Foo Chiew Fong lwn. Gunman [1957] MLJ 51 ***(dirujuk)***
General Trading Corporation (M) Sdn Bhd lwn. Overseas Lumber Bhd [1977] 1 MLJ 108 ***(dirujuk)***
Gill lwn. Woodfin 75 Ch D707 ***(dirujuk)***
Harkness lwn. Bell's Asbestos and Engineering Ltd [1967] 2 QB 729 ***(dirujuk)***
Haron Mohd Zain lwn. Central Security Holdings Berhad [1982] CLJ 293; [1982] CLJ (Rep) 26 PC ***(dirujuk)***
Hasil Bumi Perusahaan Sdn Bhd & Ors lwn. United Malayan Banking Cooperation Bhd [1994] 1 CLJ 329 SC ***(dirujuk)***
Idris Hj Salleh lwn. Federal Auto Holdings Bhd [1979] 2 MLJ 141 ***(dirujuk)***
Imtiaz Ahmad lwn. Ghulam All PLD [1963] SC 382 ***(dirujuk)***
In re Pritchard Deed Pritchard lwn. Deacon & Ors [1963] Ch D 502 ***(dirujuk)***
Ismail Abd Hamid lwn. OSK & Partners Sdn Bhd [1997] 1 CLJ 583 CA ***(dirujuk)***
Jones lwn. Stone [1894] AC 122 ***(dirujuk)***
Knight lwn. Abbot 70 QBD 111 ***(dirujuk)***
Kong Chen Wang lwn. Sg Way Leasing Sdn Bhd [1997] 1 CLJ 396 CA ***(dirujuk)***
Kwong Yik Bank Bhd lwn. Serlow Travels Sdn Bhd [2000] 4 MLJ 595 HC ***(dirujuk)***
L Oppenheim & Co lwn. Mohomed Haneef [1922] 1 AC 482 ***(dirujuk)***
Lai Yoke Ngan & Anor lwn. Chin Teck Kwee & Anor [1997] 3 CLJ 305 FC ***(dirujuk)***
Lam Kong Co Ltd lwn. Thong Guan Co (Pte) Ltd [1985] 2 MLJ 429 ***(dirujuk)***
Lay Guat Eng lwn. Tan Lian Kim [1985] 2 MLJ 196 ***(dirujuk)***
Leong Seng Kiat lwn. Khaw See Song [1988] 2 MLJ 365 ***(dirujuk)***
Lin Securities (Pte) v. Noone & Co Sdn Bhd (Klang Jaya Bahru Development Bhd, Third Party) [1989] 1 MLJ 321 ***(dirujuk)***
Lloyd v. Lloyd [1836] CH 2 MY ***(dirujuk)***
Loh Wai Lian lwn. SEA Housing Corporation Sdn Bhd [1987] 2 MLJ 7 ***(dirujuk)***
MAA Holdings Sdn Bhd Another lwn. Ng Siew Wah & Ors [1986] 1 MLJ 170 ***(dirujuk)***
Mahindar Singh lwn. Amanah Saham Pahang Bhd & Anor [1984] 1 CLJ 181; [1984] 2 CLJ (Rep) 205 HC ***(dirujuk)***
Malayan Banking Bhd lwn. Mahmood Zuhdi Hj Mohd Nor [2001] 6 CLJ Supp 171 HC ***(dirujuk)***
Malayan United Bank Bhd lwn. Mohamed Salleh Mohamed Yusoff & Ors [1988] 2 CLJ 460; [1988] 1 CLJ (Rep) 762 HC ***(dirujuk)***
MBF Finance Bhd lwn. Hasmat Properties Sdn Bhd & Ors [1990] 1 CLJ 106; [1990] 2 CLJ (Rep) 461 HC ***(dirujuk)***
Megat Najmuddin Dato' Seri (Dr) Megat Khas lwn. Bank Bumiputera (B) [2002] 1 CLJ 645 FC ***(dirujuk)***
Mokhtar Amin lwn. Mohamed Moktar Omar [2001] 4 CLJ 489 CA ***(dirujuk)***
Muniandy lwn. D & C Bank Bhd [1996] 1 MLJ 374 ***(dirujuk)***
Ng Hee Thoong & Anor lwn. Public Bank Bhd [1995] 1 CLJ 609 CA ***(dirujuk)***
Ng Seng & Ors lwn. Scoth Leasing Sdn Bhd [2003] 4 CLJ 533 CA ***(dirujuk)***
Noh Hyoung Seok lwn. Perwira Affin Bank Berhad [2004] 2 CLJ 64 CA ***(dirujuk)***
Overseas Investment Pte Ltd lwn. Anthony William O'Brien [1988] 2 CLJ 283; [1988] 2 CLJ (Rep) 82 HC ***(dirujuk)***
Packiri Samy lwn. Janagi [1970] 2 MLJ 202 ***(dirujuk)***
Parr lwn. Shell & Ors [1923] 1 KBI ***(dirujuk)***

Public Bank Bhd lwn. Malamaju Enterprise Sdn Bhd & Ors [1989] 2 MLJ 223 ***(dirujuk)***
R lwn. County of London Quarter Sessions Appeal Committee (Ex-parte Rossei) [1956] QBD 682 ***(dirujuk)***
Rashid Hussain Securities Sdn Bhd lwn. Chen Teng Sung & Ors [2001] 7 CLJ Supp 137 HC ***(dirujuk)***
Renofac Builder (M) lwn. Chase [2000] MLJ U 752 ***(dirujuk)***
Sea Keng Hock lwn. Apt Aspects Sdn Bhd & Anor [2003] 2 AMR 333 ***(dirujuk)***
Seloga Jaya Sdn Bhd lwn. Pembinaan King Ting (Sabah) Sdn Bhd [1994] 2 MLJ 96 ***(dirujuk)***
Seng Huat Hang Sdn Bhd lwn. Chee Seng & Co Sdn Bhd [1986] 1 MLJ 348 ***(dirujuk)***
Seok Mee Seong lwn. Ab Wahab Ab Rahman [1988] 2 CLJ 694; [1988] 2 CLJ (Rep) 415 HC ***(dirujuk)***
Sokkalingam Chettiar & Ors v. Somasundaram Chettiar [1941] 1 MLJ 103 ***(dirujuk)***
Sunrise Sdn Bhd lwn. First Profile (M) Sdn Bhd & Anor [1997] 1 CLJ 529 FC ***(dirujuk)***
Syn Lee & Co Ltd lwn. Bank of China [1961] MLJ 87 ***(dirujuk)***
Tan Chiang Brother's Marble (s) Pte Ltd lwn. Lightweght Concrete Sdn Bhd [1997] 4 CLJ 759 HC ***(dirujuk)***
Tang Chok Ching lwn. Wong Ik Tieng & Ors [1973] 2 MLJ 25 ***(dirujuk)***
Tetuan Tan Teng Siah Realty Sdn Bhd lwn. Island Oil Palm Plantation Sdn Bhd and Anor [1997] 4 CLJ 634 ***(dirujuk)***
Theresa Chong lwn. Kin Khon & Co [1976] 2 MLJ 253 ***(dirujuk)***
Thomas lwn. Booty Edwards & Partners [1964] MLJ 359 ***(dirujuk)***
Thong Foo Ching & Ors lwn. Shigenory [1998] 4 MLJ 585 ***(dirujuk)***
Tong Lee Hua lwn. Yong Koh Chin [1981] 2 MLJ 1 ***(dirujuk)***
Tractors Malaysia lwn. Chiew Chong Huat & Ors [1999] 2 CLJ 51 HC ***(dirujuk)***
Tuan Hj Hamed Abdul Rahman lwn. Arab Malaysian Finance Bhd [1996] 1 CLJ 241 FC ***(dirujuk)***
United Malayan Banking Corporation lwn. Ernest Chong Yoong Yin [2001] 2 CLJ 31 CA ***(dirujuk)***
Wan Mohd Sofian Wan Md Saad lwn. MBF Finance Bhd [2005] MLJ 319 ***(dirujuk)***
White lwn. Weston [1968] 2 QB 647 ***(dirujuk)***
YK Fung Securities Sdn Bhd lwn. James Capel [1997] 4 CLJ 300 CA ***(dirujuk)***
Yoong Leok Kee Corp Sdn Bhd lwn. Chin Thong Thai [1981] 2 MLJ 21 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Evidence Act 1950, s. 106
Interpretation Acts 1948 & 1967, s. 12
Rules of the High Court 1980, O. 1A, O. 10 r. 1(1)

Bagi pihak perayu/plaintif - KK Wong; T/n Lee Hishammuddin
Bagi responden/defendan - S Gunasegaran; T/n AM Ong & Co

Dilaporkan oleh Rose Aziz

PENGHAKIMAN

VT Singham H:

Rayuan ini kepada hakim dalam kamar (lampiran 30) adalah oleh plaintif terhadap keputusan Penolong Kanan Pendaftar, Mahkamah Tinggi Ipoh yang diberi pada 3 Disember 2003, dimana permohonan defendan melalui saman dalam kamar (Lampiran 22) untuk mengenetepikan penghakiman ingkar yang dimasukkan terhadap defendan pada 25 Jun 1998 telah dibenarkan.

Setelah meneliti dan membaca notis rayuan kepada hakim dalam kamar (Lampiran 30), terhadap keputusan Penolong Kanan Pendaftar, Mahkamah Tinggi Ipoh pada 3 Disember 2003, afidavit-afidavit bagi kedua-dua pihak di mana mengandungi banyak dokumen-dokumen yang ditandakan sebagai eksibit, kes-kes yang dirujuk oleh kedua-dua pihak, hujah-hujah bertulis dan lisan oleh kedua-dua pihak, keputusan mahkamah ini adalah seperti berikut:

(1) Keputusan penolong kanan pendaftar yang diberi pada 3 Disember 2003 terhadap permohonan (Lampiran 22) dimana permohonan oleh defendan untuk mengenetepikan penghakiman ingkar dibenarkan tidak mengikat mahkamah ini dan rayuan kepada Hakim Dalam Kamar terhadap keputusan Penolong Kanan Pendaftar didengar seperti satu pendengaran pertama. (Rujuk kes *Seloga Jaya Sdn Bhd lwn. Pembinaan King Ting (Sabah) Sdn Bhd* [1994] 2 MLJ 96 dan diikuti dalam kes *Tuan Hajl Hamed bin Abdul Rahman lwn. Arab Malaysian Finance Bhd* [1996] 1 CLJ 241.

(2) Di atas fakta-fakta, keadaan dan latar belakang kes ini, mahkamah ini berpendapat ada isu undang-undang dan fakta-fakta yang dibangkitkan dalam kes ini dan perlu diberi perhatian dan pertimbangan yang adil dan sewajarnya oleh mahkamah ini.

Isu Tiada Penyampaian Writ Saman (Lampiran 1) Kepada Defendan

(1) Sama ada writ saman (Lampiran 1) sebenarnya telah disampaikan kepada defendan seperti yang dinyatakan dalam afidavit penyampaian yang diikrar pada 10 Jun 1998 (eks. CCK-8) dieksibitkan di afidavit balasan plaintif (lampiran 25). Mahupun plaintif berhak dari segi kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 untuk sampaikan writ saman melalui pos berdaftar (AR) (rujuk A. 10 k. 1(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980), mahkamah ini mendapati bahawa kad AR yang dieksibitkan CCK-8 di afidavit plaintif (Lampiran 25) tidak ada catitan mengenai alamat sebenar dimana kad itu disampaikan kecuali kad tersebut dicatit di alamatkan pada Ipoh. Tidak ada sebarang alasan atau penjelasan terperinci oleh plaintif mengenai isu ini walaupun penerimaan writ saman dipertikaikan, dibangkit dan dicabar oleh defendan.

(2) Sekiranya writ saman telah disampaikan kepada defendan melalui pos berdaftar (AR) mahupun pada alamat No. 76, Jalan Yang Kalsom, Ipoh, Perak seperti yang dinyatakan oleh plaintif, alamat itu bukan lengkap dan alamat terakhir yang diketahui oleh plaintif. Mengikut eks. PPK-1 di afidavit En. Phuah Kim Kwan (Lampiran 27) bagi defendan ia menunjukkan bahawa alamat defendan pada 24 Jun 1998 adalah No. 76, (Tingkat Dua), Jalan Yang Kalsom, Ipoh dan tidak boleh dinafikan bahawa alamat yang terkandung tingkat dua adalah berbeza dengan hanya alamat No.76. tanpa catitan tingkat dua. Manakala afidavit penyampaian eks. CCK-8 surat bertarikh 28 May 1998 bagi plaintif menunjukkan writ saman di alamatkan kepada alamat No. 76, Jalan Yang Kalsom, Ipoh dan bukan kepada No. 76, Tingkat Dua Jalan Yang Kalsom, Ipoh dan alamat ini juga tidak dicatit di kad AR tersebut kecuali nama bandar, iaitu, Ipoh.

(3) Sebaliknya, mengikut afidavit penyampaian yang diikrar pada 9 Februari 1999 bagi plaintif dan dieksibitkan sebagai eks. CCK-10 di afidavit (Lampiran 25), dengan jelas menunjukkan bahawa alamat defendan yang dicatit di notis kebankrapan bertarikh 26 November 1998 adalah 5-1, Prima Ipoh, Jalan Raja DiHilir, Ipoh dan diserahkan dengan sendiri kepada defendan di tempat letak kereta, Prima Ipoh, Jalan Sultan Abdul Jalil, Ipoh. Dengan jelas, perkara ini dinyatakan di perenggan 2 afidavit penyampaian tersebut sebagai "iaitu alamat terakhir yang diketahui terhadap penghutang penghakiman" (defendan) dan dokumen-dokumen yang lain di alamatkan kepada 5-1, Prima Ipoh, Jalan Raja Di Hilir, Ipoh. (Rujuk kes *Ng Hee Thoong & Anor lwn. Public Bank Bhd* [1995] 1 CLJ 609 CA)

(4) Seterusnya mengikut eks. FLY-14 yang dilampirkan di afidavit (Lampiran 29) bagi defendan, ia menyatakan defendan telah tinggal di alamat Unit 5-1, Ascot Block, Prima Ipoh, sejak Disember 1995 (Rujuk kes *Public Bank Bhd lwn. Malamaju Enterprise Sdn Bhd & Ors* [1989] 2 MLJ di ms. 223) dan ini tidak dinafikan oleh plaintif dan boleh dikatakan diterima sebagai kenyataan yang benar. (Rujuk kes (1) *Alloy Automotive Sdn Bhd lwn. Perusahaan Ironfield Sdn Bhd* [1986] 1 MLJ 382, (2) *Overseas Investment Pte. Ltd. lwn. Anthony William O'Brien* [1988] 2 CLJ 238; [1988] 2 CLJ (Rep) 82 (3) *Ng Hee Thoong & Anor lwn. Public Bank Bhd* [1995] 1 MLJ 605 dan (4) *Sunrise Sdn Bhd lwn. First Profile (M) Sdn Bhd & Anor* [1997] 1 CLJ 529 FC).

Diatas keseluruhan fakta-fakta dan keterangan yang didapati di afidavit-afidavit seperti yang dinyatakan diatas, tentang alamat defendan sebenarnya, terdapat keraguan sama ada writ saman sebenarnya disampaikan kepada defendan dan dibawa perhatian kepada defendan dan mahkamah ini berpendapat bahawa defendan berhak untuk mengenetepikan penghakiman ingkar yang diberi pada

24 Jun 1998 diatas alasan writ saman tidak dapat disampaikan kepada beliau. (Rujuk kes (1) *Sokkalingam Chettiar & Ors v. Somasundaram Chettiar* [1941] 1 MLJ 103 di m.s. 105-106 (2) *Creig lwn. Kansen* [1943] K.B. 256 di m.s. 262 diikuti dalam kes (3) *White lwn. Weston* [1968] 2 Q.B. 647 dan (4) *Chan Sio lwn. Dan Sin Wah* [1955] MLJ 137.) (5) *MBF Finance Bhd lwn. Hasmat properties Sdn Bhd & Ors* [1990] 1 CLJ 106; [1990] 2 CLJ (Rep) 461 HC dan (6) *Kwong Yik Bank Bhd lwn. Serlow Travels Sdn Bhd* [2000] 4 MLJ 595).

Seterusnya s. 12 Akta Tafsiran 1948 dan 1967 yang dirujuk oleh peguam plaintif dapat dipakai sekiranya kad AR dicatit butiran alamat yang sah (by properly addressing) tetapi dalam kes ini, ianya adalah kosong kecuali catitan Ipoh dan ini tidak mencukupi untuk mematuhi A. 10 k. 1(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980. Oleh itu, s. 12 Akta Tafsiran 1948 dan 1967 tidak dapat membantu plaintif. (Rujuk kes *Amanah Merchant Bank Bhd lwn. Lim Tow Choon* [1994] 2 CLJ 1 SC).

Tugas defendan diperingkat permohonan untuk mengenetepikan penghakiman ingkar adalah untuk menunjuk:

(a) Penghakiman ingkar yang diberi pada 25 Jun 1998 adalah tidak teratur dan ini termasuk keadaan dimana writ saman tidak disampaikan kepada defendan (non-service): atau

(b) Penghakiman ingkar adalah teratur tetapi terdapat isu atau isu-isu untuk dibicarakan (triable issues) dan mempunyai pembelaan yang kukuh terhadap tuntutan plaintif. (Rujuk kes (1) *Bank Bumiputera Malaysia Bhd lwn. Majlis Amanah Rakyat* [1979] 1 MLJ 23 dan (2) *B Dialdas & Co. Pte Ltd lwn. Sin Sin & Co & Ors* [1984] 2 MLJ 223.)

(c) Defendan tidak perlu diperingkat ini membuktikan pembelaan seperti dikehendaki dibawah s. 106 Akta Keterangan 1950 dan juga tidak perlu di peringkat ini untuk menunjukkan bahawa pembelaan akan berjaya dalam perbicaraan penuh kecuali menunjuk terdapat isu untuk dibicarakan di mana tidak sepatutnya diputuskan melalui afidavit-afidavit. (Rujuk kes (1) *Noh Hyoung Seok lwn. Perwira Affin Bank Berhad* [2004] 2 CLJ 64 CA, (2) *Lin Securities (Pte) v. Noone & Co Sdn Bhd (Klang Jaya Bahru Development Bhd, Third Party)* [1989] 1 MLJ 321 (3) *Syn Tee & Co. Ltd lwn. Bank of China* [1961] MLJ 87 dan (4) *Tan Chiang Brother's Marble(s) Pte Ltd lwn. Light Weight Concrete Sdn Bhd* [1997] 4 CLJ 759.

Diatas alasan itu sahaja, ia itu, writ saman tidak disampaikan kepada defendan (non service), mahkamah ini mendapati bahawa defendan telah berjaya membangkitkan alasan tersebut bahawa writ saman tidak disampaikan kepada beliau dengan tujuan untuk membawa perhatian writ saman itu kepada defendan dan bukan hanya untuk menunjukkan bahawa plaintif telah mematuhi Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 mengenai penyerahan. (Rujuk kes (1) *Creig lwn. Kanseen* [1943] 1 K.B. 256 diikuti dalam kes *Mokhtar bin Amin lwn. Mohamed Moktar bin Omar* [2001] 4 CLJ 489 CA dan (3) *R lwn. County of London Quarter Sessions Appeal Committee (Ex-parte Rossei)* [1956] QBD 682). Kaedah-kaedah mahkamah tidak boleh dipakai sewenang-wenangnya atau dengan cara kurang tepat (loosely) melainkan kaedah-kaedah itu membawa makna yang praktikal walaupun ia membenarkan penyampaian writ saman melalui pos berdaftar AR.

Oleh itu, dan di atas alasan-alasan tersebut penghakiman ingkar yang diperolehi oleh plaintif terhadap defendan boleh dikatakan tidak teratur dan harus diketepikan.

Isu Sama Ada Penghakiman Ingkar (Lampiran 4) Yang Diperolehi Oleh Plaintif Terhadap Defendan Pada 25 Jun 1998 Teratur Dari Segi Undang-undang Dan Sama Ada Ia (Lampiran 4) Satu Penghakiman Ingkar Interlokutori Atau Muktamad.

(1) Sebelum itu, mahkamah ini ingin menyentuh diatas relief yang dituntut melalui pernyataan tuntutan oleh plaintif dimana ia dengan jelas menunjukkan ianya diluar terma-terma yang dipersetujui melalui surat perjanjian berfarikh 2 April 1996 di antara plaintif dan defendan dan juga di luar semangat (spirit) dan scope surat perjanjian dimana plaintif telah memfailkan tuntutan (relief) tersebut.

(2) Tuntutan plaintif seperti perenggan 7 penyata tuntutan (Lampiran 1) dengan jelas menunjuk plaintif dikatakan mengalamai kerugian dan kehilangan (loss and damage). Tuntutan ini dikatakan disebabkan diatas kemungkiran oleh defendan dibawah surat perjanjian bertarikh 2 April 1996 dan perkara ini boleh didapati di perenggan 4 pernyataan tuntutan (Lampiran 1) dan eks. CCK-1 di afidavit plaintif (Lampiran 25). Pendek kata asas tuntutan plaintif terhadap defendan adalah dikatakan kemungkiran oleh defendan untuk menyempurnakan kehendak plaintif iaitu menyelesaikan atau untuk sempurnakan jual/beli saham tersebut di bawah surat perjanjian bertulis tersebut.

(3) Oleh itu, kedua-dua pihak sepatut dan seharusnya terikat diatas syarat atau terma-terma yang dipersetujui dan terkandung di bawah surat perjanjian tersebut. Surat perjanjian bertulis tersebut dengan jelas menyatakan apakah

relief yang plaintif boleh tuntut terhadap defendan, sekiranya defendan tidak dapat sempurnakan pembelian seperti di dalam surat perjanjian tersebut dan relief yang plaintif boleh tuntut adalah untuk pelaksanaan spesifik sahaja.

Mengikut terma 4 surat perjanjian tersebut ia berkata:

Both the seller (plaintiff) and purchaser (defendant) must complete the above transactions on or before 31.12.97, failing which legal actions can be initiated for specific performance by either party.

Mengikut terma 5 surat perjanjian tersebut ia berkata:

Time is the essence of the contract.

Malangnya dan seperti dibangkitkan oleh defendan dan dihujah oleh peguam defendan, plaintif tidak meneruskan dengan relief yang plaintif boleh tuntut dibawah surat perjanjian tersebut iaitu, perlaksanaan spesifik tetapi telah menuntut ganti rugi dan kehilangan dimana adalah bertentang dengan syarat surat perjanjian tersebut yang jelas dan dipersetujui oleh kedua-dua pihak (Rujuk kes *Lloyd v. Lloyd* [1836] CH 2 MY and CR. 142, 25). Di atas alasan itu sahaja, tuntutan plaintif untuk ganti rugi dan kehilangan di mana adalah bertentangan dengan tuntutan (relief) yang dibenar boleh dikatakan dan dipersetujui di bawah surat perjanjian tersebut satu kausa tindakan yang bertentangan dengan terma-terma surat perjanjian di antara plaintif dan defendan difailkan oleh plaintif. Seterusnya penghakiman ingkar yang diperolehi oleh plaintif terhadap defendan diatas tuntutan yang berlainan dan bertentangan dengan apa yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak boleh dikatakan satu tuntutan yang tidak sah dari segi fakta dan seterusnya penghakiman ingkar yang diperolehi oleh plaintif terhadap defendan diatas tuntutan itu boleh dikatakan tidak teratur dan harus diketepikan ataupun boleh dikatakan satu isu yang harus dibicarakan (triable issue) iaitu, sama ada plaintif mempunyai pilihan untuk tidak menuntut perlaksanaan spesifik seperti terma di surat perjanjian tersebut terhadap defendan dan sama ada plaintif boleh meneruskan dengan tuntutan gantirugi dan isu ini perlu diperiksa balas terhadap keengganan oleh plaintif untuk menuntut perlaksanaan spesifik seperti dijanjikan oleh kedua-dua pihak melalui surat perjanjian tersebut dimana adalah dan sepatutnya asas tindakan plaintif terhadap defendan.

Mahkamah ini juga mendapati bahawa sebenarnya defendan ada bangkitkan bahawa penghakiman ingkar yang diperolehi oleh plaintif adalah tidak teratur dan ini dibangkitkan atau dinyatakan dalam afidavit defendan (Lampiran 26) dan ia tidak membawa sebarang prejudice atau tiada keadilan kepada plaintif sekiranya tidak dinyatakan secara khas dalam saman dalam kamar (Lampiran 22), iaitu permohonan untuk mengenetepikan penghakiman untuk penghakiman ingkar

atau di afidavit sokongan (Lampiran 23) seperti dihujah oleh peguam plaintif. (Rujuk kes (1) *Tang Chok Ching lwn. Wong Ik Tieng & Ors* [1973] 2 MLJ 25, (2) *Harkness lwn. Bell's Asbestos and Engineering Ltd*. [1967] 2 QB 729 di m.s. 735-736, (3) *Ee Kim Kin lwn. Collector of Land Revenue Alor Gajah* [1967] 2 MLJ 89 (4) *Idris bin Hj. Salleh lwn. Federal Auto Holdings Bhd* [1979] 2 MLJ 141 di m.s. 143 (5) *Lay Guat Eng lwn. Tan Lian Kim* [1985] 2 MLJ 196 (6) *United Malayan Banking Corporation lwn. Ernest Chong Yoong Yin* [2001] 2 CLJ 31 di ms. 36-37 (7) *Boustead Trading (1985) Sdn Bhd lwn. Arab Malayan Merchant Bhd* [1995] 4 CLJ 283 FC (8) *Ismail bin Abd Hamid lwn. OSK & Partners Sdn Bhd* [1997] 1 CLJ 583 CA (9) *Megat Najmuddin Dato' Seri (Dr) Megat Khas lwn. Bank Bumiputera* (B) [2002] 1 CLJ 645 FC (10) *Feedmeal Malaysia Sdn Bhd lwn. Teh Cho Yeow & Ors* [2003] 7 CLJ Supp 11 dan (11) *Imtiaz Ahmad lwn Ghulam All PLD* [1963] SC 382 di ms. 400 dan A. 1A Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980.) Dalam kes *Imtiaz Ahmad lwn. Ghulam Ali PLD* [1963] S.C. 382 di m.s. 400 Kaikaus H. berkata:

> ... I think the proper place of procedure in any system of administration of justice is to help and not to thwart the grant to the people of their rights. All technicalities have to be avoided unless it be essential to comply with them on grounds of public policy. The English system of administration of justice on which our own is based may be to a certain extent technical but we are not to take from that system its defects. Any system which by giving effect to the form and not to the substance defeats substantive rights is defective to that extent. The ideal must always be a system that gives to every person what is his.

Sama Ada Tuntutan Plaintif Satu Jumlah Yang Tertentu (Liquidated) Atau Bukan Satu Jumlah Yang Tertentu (Unliquidated)

Mahkamah ini juga mendapati bahawa mahupun plaintif telah menyatakan dan menuntut sebanyak RM1,504,349.52, khususnya dan kononnya merupakan satu jumlah yang tertentu (liquidated), itu tidak boleh dan bukan semestinya satu jumlah tertentu (liquidated) atau boleh ditukarkan (convert) kepada satu jumlah yang telah ditentukan (liquidated amount) dimana bukan satu jumlah tertentu (unliquidated) dengan hanya mencatit amaun yang tertentu. (Rujuk kes (1) *Knight lwn. Abbot* 10 QBD 111 (2) *Mahindar Singh lwn. Amanah Saham Pahang Bhd & Anor* [1984] 1 CLJ 181; [1984] 2 CLJ (Rep) 205 HC, (3) *Seok Mee Seong lwn. Ab. Wahab bin Ab Rahman* [1988] 2 CLJ 694; [1988] 2 CLJ (Rep) 415 HC, (4) *General Trading Corporation (M) Sdn Bhd lwn. Overseas Lumber Bhd* [1977] 1 MLJ 108 di m.s. 109 (5) *Loh Wai Lian lwn. S.E.A. Housing Corporation Sdn Bhd.* [1987] 2 MLJ 7 di m.s. 3 (PC) (6) *Credit Corporation (M) Bhd v. Bulan Sabit Sdn Bhd & Ors* [1989] 2 MLJ 127, yang disahkan oleh Mahkamah Agung dan diikuti dalam kes (7) *Wan*

Mohd Sofian bin Wan Md Saad lwn. MBF Finance Bhd [2005] MLJ 319 di m.s. 323, (8) *Thomas lwn. Booty Edwards & Partners* [1964] MLJ 359 dan (9) *Parr lwn. Shell and Ors* [1923] 1 KBI.

Oleh itu, dan diatas perkara itu sahaja, penghakiman ingkar yang diperoleh plaintif sebagai satu penghakiman ingkar muktamad untuk RM1,504,349.52 adalah tidak teratur dan harus diketepikan dengan segera (*Ex-debito justitiae*). (Rujuk kes *In re Pritchard Deed. Pritchard lwn. Deacon & Ors* [1963] Ch D 502). Sebenarnya, plaintif seharus mengemukakan keterangan bagaimana ia mendapat amaun tersebut, bila saham itu dijual dan kepada siapa, dan buktinya, apakah harga pasaran pada masa penjualan dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan kerugian dan semua perkara ini hanya boleh dikemukakan melalui keterangan lisan dan tertakluk di dalam pemeriksaan balas. (Rujuk kes *British Westinghouse Electric and Manufacturing Company Ltd lwn. Underground Electric Railways of London Ltd.* [1912] A.C. 673 di m.s. 689, *Yoong Leok Kee Corp. Sdn Bhd lwn. Chin Thong Thai* [1981] 2 MLJ 21 di m.s. 23, *Cuckmere Brick Co. Ltd. & Anor v. Mutual Finance Ltd.* [1971] Ch. 949 dan *Duke lwn. Robson* [1973] 1 All ER 481 di ms. 488);

Oleh demikian, mahkamah ini mendapati bahawa penghakiman ingkar muktamad (Lampiran 4) yang diperolehi oleh plaintif terhadap defendan terhadap amaun RM1,504,349.52 adalah tidak teratur. Dalam keadaan itu, defendan tidak perlu menunjuk sebarang isu untuk dibicarakan dan penghakiman ingkar muktamad tersebut harus diketepikan dengan segera (*ex debito justitiae*) kerana tidak teratur dari segi undang-undang dan prosidur.

Mahkamah ini berpendapat bahawa dalam keadaan dimana tuntutan plaintif bukan diterima sebagai tuntutan untuk jumlah tertentu (liquidated) tetapi satu tuntutan gantirugi dan kehilangan (unliquidated) yang dikatakan dialami oleh plaintif seperti dinyatakan di pernyata tuntutan plaintif, plaintif hanya berhak untuk memperolehi satu penghakiman interlokutori sahaja dan seterusnya pohon untuk satu pendengaran bagi mentaksirkan gantirugi oleh pendaftar dan ia tidak berhak mendapat satu penghakiman ingkar muktamad seperti dilakukan dalam kes ini dimana adalah tidak sah. (Rujuk kes (1) *General Trading Corporation (M) Sdn Bhd lwn. Overseas Lumber Bhd* [1977] 1 MLJ 108 di m.s. 109 (2) *Adzmi bin Ali and Another lwn. Mohamed Isa bin Kasad* [1987] 2 MLJ 199 dan (3) *Lam Kong Co. Ltd lwn Thong Guan Co. (Pte) Ltd* [1985] 2 MLJ 429 di m.s. 431.

Dalam kes ini dan diatas fakta-fakta tersebut, keadaan dan latar belakang kes, plaintif hanya berhak untuk mendapat penghakiman ingkar interlokutori sahaja dan bukan penghakiman ingkar muktamad seperti yang diperolehi oleh plaintif. (Rujuk kes *Gill lwn. Woodfin* 75 Ch D707).

Sebaliknya dan sekiranya penghakiman ingkar muktamad yang diperolehi oleh plaintif adalah teratur dari segi undang-undang, mahkamah ini mendapati bahawa defendan telah berjaya membangkitkan isu-isu, fakta-fakta yang dipertikaikan diantara plaintif dan defendan termasuk tuntutan (relief) dimana plaintif berhak dibawah surat perjanjian tersebut dan perkara itu harus dibicarakan dan tidak boleh ditentukan atau diputuskan melalui afidavit-afidavit.

Mahkamah ini juga telah meneliti perkara ini secara keseluruhan iaitu fakta-fakta, keadaan kes, dan latar belakang kes (whole scenario) untuk mempastikan sama ada defendan mempunyai pembelaan yang sebenarnya dan bukan satu pembelaan sham. (Rujuk kes (1) *Evans lwn. Bartlam* [1937] AC. 473, at pg. 480, 482, 489, (2) *Burns lwn. Kondel* [1971] *Lloyd's Rep*. 554 at pg. 555 (3) *Fira Development lwn. Goldwind* [1989] 1 MLJ 140, (4) *PC Construction lwn. Abdullah bin Said* 1 MLJ 60 (5) *C. Paul de Cruz lwn. Chow Tai Yow & Sons Sdn Bhd* [1998] 4 CLJ Supp 389 dan (6) *Renofac Builder (M) lwn. Chase* [2000] MLJ U 752.)

Mahkamah ini berpuas hati bahawa apa yang dikata dan dibangkitkan oleh defendan bukan satu penafian semata-mata (bare assertion) atau satu pembelaan sham, atau dengan tujuan melambatkan prosiding atau pelaksanaan penghakiman terhadap defendan tetapi isu-isu yang harus dibicarakan (triable issues). (Rujuk kes *Tong Lee Hua lwn. Yong Koh Chin* [1981] 2 MLJ 1 dan *Jones lwn. Stone* [1894] AC 122).

Mahkamah ini berpendapat bahawa defendan mempunyai pembelaan yang sebenarnya dan telah membangkitkan fakta-fakta dan undang-undang dan isu mengenai kredibiliti dimana harus dibicarakan dan ditentukan atau diputuskan melalui pemeriksaan dan pemeriksaan balas dalam bicara penuh dan tidak boleh diputus melalui afidavit-afidavit. (Rujuk kes *Eng Mee Yong & Ors v. V. Letchumanan* [1979] 2 MLJ 212). Afidavit-afidavit oleh kedua-dua pihak mengandungi dokumen-dokumen dan boleh diterima dan hanya dihadkan untuk permohonan Interlokutori di peringkat ini di mana mahkamah ini telah menimbang bagi tujuan sama ada terdapat sebarang isu untuk dibicarakan (Rujuk kes *Foo Chiew Fong lwn. Gunman* [1957] MLJ 51). Mahkamah juga mendapati bahawa plaintif telah memasukkan sebahagian dokumen-dokumen yang tidak boleh diterima sebagai keterangan dan ditandakan eksibit dimana tidak mendapat persetujuan oleh kedua-dua pihak seperti draft trust deed dan ini akan mengelirukan mahkamah.

Mahkamah ini juga telah menimbang hujah-hujah peguam plaintif dimana mahkamah ini berpendapat bahawa defendan tidak perlu untuk membuktikan isu-isu atau fakta-fakta yang dibangkitkan atau menunjuk ia akan berjaya dalam perbicaraan penuh kecuali untuk menunjuk terdapat isu untuk dibicarakan dan ini telah dilakukan oleh defendan. (Rujuk kes *Burns lwn. Kondel* [1971]

1 Lloyd's Rep. 554 di m.s. 555, *Tan Chiang Brother's Marble (s) Pte Ltd lwn. Lightweght Concrete Sdn Bhd* [1997] 4 CLJ 759 dan *Bangue de Paris et Des Pays-Bas [Suisse] SA lwn. Costa de Naray & Anor* [1984] 1 Lloyds Rpt 21 di m.s. 23). Oleh itu, peruntukan dibawah s. 106 Akta Keterangan 1980 yang dirujuk oleh peguam plaintif dengan segala hormatnya tidak dipakai di peringkat ini.

Kelewatan

Walau pun mahkamah ini tidak menggalakkan (condone) kelewatan oleh mana-mana pihak mengenai prosiding di mahkamah tetapi apabila mahkamah ini mengambil kira fakta-fakta lain dalam kes ini seperti dibangkit oleh defendan, kelewatan sahaja tidak boleh menghalang atau menafikan defendan peluang untuk didengar. (Rujuk kes (1) *Packiri Samy lwn. Janagi* [1970] 2 MLJ 202, (2) *Malayan Banking Bhd lwn. Mahmood Zuhdi Hj Mohd No*r [2001] 6 CLJ Supp 171 HC, (3) *Beale lwn. Mc Gregor* [1886] 2 TLR 311, (4) *Tuan Haji Ahmed Abdul Rahman lwn. Arab Malaysian Finance Bhd* [1996] 1 CLJ 241 FC, (5) *Muniandy lwn. D&C Bank Bhd* [1996] 1 MLJ 374 di ms 384, (6) *Asia Commercial Finance (M) Bhd lwn. Kimden Housing Development Sdn Bhd* [1993] 1 MLJ 283 di m.s. 287.) Mahkamah ini memang telah menimbang bahawa adalah undang-undang trite bahawa dimana satu pihak yang ingin mendapat izin mahkamah harus datang ke mahkamah secepat mungkin dan mahkamah tidak melayan pihak yang tidur dalam hak mereka. (Rujuk kes *Kong Chen Wang lwn. Sg. Way Leasing Sdn Bhd* [1997] 1 CLJ 396 CA) Walau bagaimanapun, mahkamah ini berpuas hati bahawa defendan telah memberi penjelasan yang boleh dikatakan munasabah kenapa beliau memfailkan permohonan saman dalam kamar (Lampiran 22) lewat, iaitu, defendan telah mengalami 'brain haemorrhage' pada 7 Oktober 1997 dan semenjak itu beliau telah kehilangan tujuan dalam kehidupan beliau, sangat terlupa, badan beliau lemah, mental beliau tidak kukuh dan beliau terlibat dalam rawatan. Perkara ini disokong oleh En. Phuah Kim Kwan, seorang Pengarah dalam syarikat defendan melalui afidavit (Lampiran 27). (Rujuk kes *Sea Keng Hock lwn. Apt Aspects Sdn Bhd & Anor* [2003] 2 AMR 333, *Atwood lwn. Chichester* [1878] 3 QBD 722, dan *Seng Huat Hang Sdn Bhd lwn. Chee Seng & Co. Sdn Bhd* [1986] 1 MLJ 348 dan *Leong Seng Kiat lwn. Khaw See Song* [1988] 2 MLJ 365 di m.s. 367.

Diatas fakta-fakta, keadaan dan latar belakang kes ini, mahkamah ini menerima alasan-alasan atau penjelasan yang diberi oleh defendan mengenai kelewatan. Seperti yang mahkamah telah nyatakan kelewatan sahaja tidak menghalang defendan untuk mendapat keadilan di mahkamah. (Rujuk kes (1) *Evans lwn. Burtlam* [1937] 2 All ER 646, (2) *Atwood lwn. Chichester* [1878] 3 QBD 722, (3) *Tang Chok Ching lwn. Wong Yik Ting* [1973] 2 MLJ 25, (4) *Idris Hj Salleh lwn. Federal Auto Sdn Bhd* [1979] 2 MLJ 141 (5) *Malayan*

United Bank Bhd lwn. Mohamed Salleh bin Mohamed Yusoff & Ors [1988] 2 CLJ 460; [1988] 1 CLJ (Rep) 762 HC, (6) *Fira Development Sdn Bhd lwn. Goldwin* [1989] 1 MLJ 140, (7) *Chinese Tin Mine Rehabilitation lwn. Chen Hooi Wa* [1959] MLJ 152).

Mahkamah ini telah meneliti kes-kes yang dirujuk oleh peguam plaintif mengenai kelewatan dan mendapati bahawa fakta kes-kes tersebut adalah berbeza jauh apabila dibandingkan dengan kes di hadapan mahkamah ini. Dalam kes *Ng Seng & Ors lwn. Scoth Leasing Sdn Bhd* [2003] 4 CLJ 533 yang dirujuk oleh peguam plaintif tidak ada sebarang permohonan untuk lanjutkan tempoh masa. Oleh itu, kelewatan ditimbang sebagai satu bantahan pertama, manakala dalam kes di hadapan mahkamah ini, defendan telah memohon lanjutan masa melalui permohonan (Lampiran 22) untuk memfailkan permohonan tersebut dan telah memberi penjelasan untuk kelewatan (Rujuk kes *Tractors Malaysia lwn. Chiew Chong Huat & Ors* [1999] 2 CLJ 51). Oleh yang demikian, fakta-fakta kes itu harus dibezakan apabila berbanding dengan fakta kes di hadapan mahkamah ini melainkan prinsip-prinsip yang dipakai dan diikat mahkamah ini dan mahkamah ini mempunyai budi bicara untuk mengetepikan penghakiman ingkar diatas permohonan oleh defendan. (Rujuk kes *Tetuan Tan Teng Siah Realty Sdn Bhd lwn. Island Oil Palm Plantation Sdn Bhd and Anor* [1997] 4 CLJ 634).

Pengakuan

Mahkamah juga telah menimbang perkara perakuan (admission) yang kononnya dibuat oleh defendan seperti yang dibangkitkan oleh plaintif dalam eks. CCK-12 afidavit plaintif (Lampiran 25) dan dihujah oleh peguam plaintif. Mahkamah ini berpendapat bahawa mahupun terdapat perakuan (admission) dimana dipertikaikan oleh defendan dan penjelasan oleh defendan dan disokong oleh En. Phuah Lan Koh melalui afidavitnya (Lampiran 27) dimana perakuan itu telah dinafikan oleh defendan dan mengenai dua pembayaran dibuat kononya oleh defendan sendiri. Mahkamah ini berpendapat bahawa ia masih tidak menghalang defendan untuk membantah penghakiman ingkar yang diperolehi oleh plaintif dimana adalah tidak teratur dan tidak sah. (Rujuk kes *Development & Commercial Bank lwn. Chee Theam Swee* [1989] 2 MLJ 496 di m.s 503). Keputusan Mahkamah Tinggi itu telah dirayu kepada Mahkamah Agung (pada masa itu) oleh plaintif (Rujuk Mahkamah Agung Rayuan Sivil No. 02-124-89). Walau bagaimanapun, pada 20 March 1990 perkara ini telah diselesai di peringkat Mahkamah Agung dan dengan persetujuan, rayuan telah ditarik balik oleh plaintif. (Koram: Y.A. Azmi HMA, Ajaib Singh HMA dan Gan Chit Tuan HMA). Oleh itu, keputusan Mahkamah Tinggi dalam kes *Development and Commercial Bank lwn. Chee Theam Swee* [1989] 2 MLJ 496 masih diikuti. (Rujuk kes *Hasil Bumi Perusahaan Sdn Bhd & Ors lwn. United Malayan Banking Cooperation Bhd* [1994] 1 CLJ 329 SC)

Diatas keseluruhan fakta-fakta, keadaan dan latar belakang kes ini, dan mengikut kes *Blaiberg lwn. Abrams* 77 L.TJ. 255 dimana Bowen LJ. berkata "In deciding whether the defence set up is a real defence or not all the circumstances must be looked at," mahkamah ini berpendapat bahawa:

(1) Penghakiman ingkar muktamad yang diperolehi oleh plaintif terhadap defendan tidak teratur dan harus diketepikan dengan segera. Sebaliknya dan sekiranya penghakiman ingkar ini teratur (dimana mahkamah ini berpendapat adalah tidak teratur diatas alasan-alasan yang dinyatakan), mahkamah ini masih mendapati defendan berjaya membangkitkan perkara-perkara dan isu-isu yang harus dibicarakan (triable issue) dan tidak boleh diputuskan atau ditentukan melalui afidavit-afidavit. (Rujuk kes *Haron bin Mohd Zain lwn. Central Security Holdings Berhad* [1982] CLJ 293; [1982] CLJ (Rep) 26 FC dan *Eng Mee Yong lwn. V. Letchumanan* [1979] 2 MLJ 212). Apa yang penting dan harus diingatkan adalah penghakiman ingkar bukanlah satu penghakiman di atas merit. (Rujuk kes (1) *Lai Yoke Ngan & Anor lwn. Chin Teck Kwee & Anor* [1997] 2 MLJ 567 di m.s. 573 dan (2) *L. Oppenheim & Co. lwn. Mohomed Haneef* [1922] 1 AC 482)

Walau bagaimanapun, mahkamah ini bersetuju hujah peguam plaintif bahawa peraturan atau garis panduan bursa saham tidak mengikat plaintif untuk transaksi kerana itu hanyalah dipakai untuk ahli-ahli yang didaftar dan pihak-pihak bebas untuk memasuki surat perjanjian dengan terma-terma tertentu mengenai pembelian dan penjualan saham-saham. (Rujuk kes (1) *Theresa Chong lwn. Kin Khon & Co.* [1976] 2 MLJ 253 diikuti dalam kes (2) Y.*K. Fung Securities Sdn Bhd lwn. James Capel* [1997] 4 CLJ 300 di m.s. 345 - 346, (3) *MAA Holdings Sdn Bhd Another lwn. Ng Siew Wah & Ors* [1986] 1 MLJ 170 (4) *Thong Foo Ching & Ors lwn. Shigenory* [1998] 4 MLJ 585 dan (5) *Rashid Hussain Securities Sdn Bhd lwn. Chen Teng Sung & Ors* [2001] 7 CLJ Supp 137 HC). Oleh itu, sama ada plaintif tidak mematuhi garis panduan atau peruntukan bukanlah satu isu untuk dibicarakan atau boleh dikatakan tidak sah dari segi undang-undang.

Dengan itu, dan demi keperluan keadilan (Rujuk kes *Mokhtar bin Amir lwn. Moktar bin Omar* [2001] 4 CLJ 489), rayuan oleh plaintif terhadap keputusan Penolong Kanan Pendaftar yang membenarkan permohonan defendan untuk mengenepikan penghakiman ingkar pada 3 Disember 2003 adalah ditolak. Walau bagaimanapun, defendan diperintahkan untuk membayar kos permohonan (Lampiran 22) dan rayuan ini (Lampiran 30) kepada plaintif, sama ada dipersetujui atau ditaksirkan.